



مجلس بندر ايقوه

MAJLIS BANDARAYA IPOH

Jalan Sultan Abdul Jalil,
Greentown, 30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.



"KONTINUITI INOVASI MELESTARI INSANI BERVISI"

Telefon : 05-208 3333
Laman Web : www.mbi.gov.my

Bil.(30)MBI U1/11/5/15

Ramadan 1437H

21 Jun 2016

Kepada Yang Berkenaan,

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PRESTASI SYARIKAT DELTA FORCE SECURITY & CONSULTANCY SDN. BHD YANG TELAH DILANTIK BAGI MENJALANKAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI BANGUNAN UTC PERAK

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa Bangunan UTC Perak telah mula beroperasi pada 3hb Januari 2013 dengan melibatkan 53 buah agensi kerajaan persekutuan, badan berkanun persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun negeri dan NGO dan waktu pengoperasian UTC Perak adalah bermula daripada pukul 8.30 pagi hingga 10.00 malam. Semenjak dari bermulanya pengoperasian Bangunan UTC Perak iaitu dari bulan Januari 2013 sehingga Disember 2015, kerja-kerja kawalan keselamatan adalah di bawah seliaan pihak Delta Force Security & Consultancy Sdn. Bhd. yang telah dilantik oleh pihak Majlis Bandaraya Ipoh bermula dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 malam untuk syif pertama manakala syif kedua bermula dari pukul 7.00 malam sehingga 7.00 pagi keesokkan harinya.

3. Untuk makluman pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan sepanjang tempoh kontrak kawalan keselamatan sehingga bulan Disember 2015 didapati syarikat Delta Force Security & Consultancy Sdn. Bhd telah memberikan perkhidmatan yang memuaskan dan tidak menimbulkan sebarang masalah di Bangunan UTC Perak samaada pada waktu siang ataupun malam sepanjang tempoh perkhidmatan. Pihak syarikat khususnya pengawal keselamatan yang bertugas juga sentiasa memberikan kerjasama dan menjaga hubungan yang baik kepada Unit Pentadbiran UTC Perak dan juga anggota agensi di Bangunan UTC Perak dalam menangani masalah keselamatan yang timbul serta memberikan kerjasama yang baik apabila diperlukan.

Faks:

| | | | |
|---|---------------|---|---------------|
| Pejabat Datuk Bandar/Setiausaha Bandaraya | : 05-253 7396 | Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran | : 05-208 3599 |
| Pejabat Pengarah Kanan Bandaraya | : 05-208 3535 | Jabatan Kawalan Bangunan | : 05-208 3510 |
| Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta | : 05-208 3511 | Jabatan Landskap | : 05-506 4088 |
| Jabatan Kejuruteraan | : 05-208 3553 | Unit Undang-Undang | : 05-208 3538 |
| Jabatan Pelesenian & Pengukuasaan | : 05-208 3555 | Unit Audit Dalam | : 05-208 3558 |
| Jabatan Pembangunan Masyarakat | : 05-242 2711 | Unit OSC | : 05-208 3515 |
| Jabatan Perancangan Bandar | : 05-208 3588 | Unit COB | : 05-208 3568 |
| Jabatan Perbendaharaan | : 05-208 3522 | Unit Korporat dan Perhubungan Awam | : 05-208 3550 |
| Jabatan Khidmat Pengurusan | : 05-208 3577 | | |

4. Pihak Unit Pentadbiran UTC Perak sentiasa berbincang dengan pihak syarikat bagi memperkuuhkan lagi tahap keselamatan di Bangunan UTC Perak dan pihak syarikat telah memberikan respon yang baik berhubung dengan perkara ini. Pihak syarikat juga telah menempatkan seorang penyelia dalam usaha untuk memantau pengawal keselamatan yang bertugas pada setiap hari. Secara keseluruhannya, pihak syarikat telah memberikan perkhidmatan yang baik dan mematuhi terma-terma di dalam kontrak yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Bandaraya Ipoh dan Unit Pentadbiran UTC Perak tiada apa-apa halangan untuk memperakukan sebarang kontrak yang akan ditawarkan kepada pihak syarikat.

5. Perhatian, kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.

"IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU"

Saya yang menurut perintah,


~~(ROMZI BIN ZAMRI)~~
Pengurus Besar
Unit Pentadbiran UTC Perak
b.p: Datuk Bandar Ipoh

"INOVASI DIDEPANI, VISI DIREALISASI"